

Fekah

Kepentingan Ilmu Fardhu Ain

Ia sepatutnya dikuasai sebelum baligh lagi bukan setelah baligh.



Fardhu itu wajib iaitu perkara yang jika dibuat dapat pahala, ditinggalkan berdosa maka kedudukannya mesti dibuat.

Ain pula ertinya individu. Fardhu Ain ringkasnya ilmu yang mesti dipelajari, difahami, diamalkan dan diperjuangkan

oleh setiap individu yang mukallaf.

Oleh kerana ia perlu diamalkan oleh mukallaf, maka sepatutnya sebelum baligh lagi seseorang telah menguasai ilmu-ilmu ini dan bukanlah setelah dewasa baru hendak mempelajarinya.

Pembahagian Ilmu Fardhu Ain

Berdasarkan hadis Ibn Umar RA, para ulama mengkategorikan ilmu Fardhu Ain kepada 3 ilmu utama iaitu Tauhid, Fiqah dan Tasawuf.

Ilmu Tauhid membahaskan rukun Iman yang enam khususnya berkaitan dengan Allah dan RasulNya.

Ilmu Fekah pula membicarakan persoalan hukum-hukum syariat yang terdapat dalam rukun Islam.

Ilmu Tasawuf pula membahaskan persoalan kejernihan hati berkaitan dengan sifat-sifat terpuji dan sifat-sifat terkeji.

Tanpa Ilmu Tauhid, akidah seseorang tidak sah. Tiada Ilmu Fekah, ibadah pula tidak sah. Tanpa Ilmu Tasawuf, seseorang tidak akan mengenal sifat mahmudah dan mazmumah lalu tidak tahu mengendalikan keduanya.


-Pengarang



TAHARAH

Taharah ertinya kesucian atau bersuci, ia bermaksud dari segi bahasa, membersihkan diri atau sesuatu daripada sebarang keotoran. Sama ada benda itu najis ataupun tidak. Benda-benda yang najis seperti darah, bangkai, tahi dan sebagainya. Benda-benda yang kotor tetapi tidak najis seperti air ludah, hingus, tahi mata dan lain-lain.

Pengertian taharah dari segi syarak pula



adalah menghilangkan halangan beribadat kerana ada hadas atau najis atau menghilangkan halangan memakan sesuatu benda dengan sebab terkena najis. Hukum bersuci daripada hadas dan najis itu wajib secara ijmak begitu juga ijmak ulama mensyaratkan bersuci daripada hadas dan najis itu dengan air.



AIR YANG SAH DIBUAT BERSUCI

1. Air Mutlak

Air mutlak (مطلق) adalah air yang suci dan boleh menyucikan. Dikatakan mutlak kerana air itu dalam bentuknya yang asli samada ia jernih, hitam, keruh, merah, masam atau masin. Ia tetap dikatakan air mutlak walaupun sudah berubah yang tidak dapat dielakkan disebabkan lama terbiar, dimasuki tanah, lumut dan bertakung atau tempat mengalirnya mengandungi belerang. Atau bercampur dengan sesuatu yang suci yang beku atau terasing seperti gaharu dan minyak masak.

Ada tujuh jenis air mutlak:

- * Air hujan
- * Air laut
- * Air sungai
- * Air telaga atau perigi
- * Air mata air
- * Air atau salji yang dicairkan
- * Air embun

2. Air Musta'mal

Air musta'mal (مستعمل) adalah air yang suci tetapi tidak boleh menyucikan yang lain. Boleh dikatakan juga air ini boleh diminum tetapi tidak sah untuk menyucikan sesuatu.

- a. Air musta'amal yang diperolehi dari mengangkakan hadas adalah air basuhan kali yang pertama pada mandi atau wudhu' yang wajib dan sudah jatuh dari anggota badan.
- b. Air musta'amal dari konsep najis pula ialah jika air itu tidak berubah dan tidak bertambah.
- c. Air tumbuhan dan buah-buahan seperti pucuk kelapa yang dibuat nira atau akar-akar kayu, air dari batang tebu dan yang dihasilkan dari buahan seperti kopi dan koko.

Air yang berubah dan bercampur

- * **Mujawir** - Air yang berubah disebabkan termasuk ke dalamnya suatu yang dapat dipisahkan daripada air, contohnya air yang dimasuki sebatang kayu cendana dan kayu itu boleh dipisahkan daripada air tersebut, maka hukum air itu adalah air mutlak.
- * **Mukhalit** - Iaitu apabila suatu benda yang masuk ke dalam air itu tidak dapat dipisahkan, contohnya air dimasuki nila, maka dihukumnya air Musta'amal.

Air Muqayyad

Air Muqayyad (مقيد) pula ialah air yang bercampur dengan sesuatu yang suci yang mengubah salah satu sifatnya sama ada dari segi warna, bau atau rasa yang menyebabkan air tersebut tidak dipanggil air mutlak lagi.

Kategori Air Muqayyad

- * **Qayyad Lazim** - iaitu qayyad yang tidak bercerai sehingga menjadikannya berbeza langsung dari air mutlak seperti air kopi, air madu, air mawar.
- * **Qayyad Musfaq** - iaitu qayyad yang bercerai iaitu yang tidak lazim bagi air seperti air hujan, air perigi. Maka, ia masih lagi hukumnya air mutlak.

3. Air Musyammas

Air musyammas (مشمس) adalah air yang terjemur di bawah panas matahari di negara beriklim panas dalam bekas yang boleh berkarat.

Air tersebut hanya makruh ketika panas untuk digunakan pada badan dan makanan serta minuman. Walau bagaimanapun, air yang masih panas tersebut boleh digunakan untuk membasuh pakaian. Air yang sudah sejuk tidak lagi makruh digunakan.

5. Air Mutanajjis

Air mutanajjis (متنجس) adalah air yang termasuk ke dalamnya najis atau sesuatu yang kena najis sedangkan air itu kurang dari dua kolah samada berubah atau tidak, air ini tidak suci dan tidak menyucikan yang lain.

Jika air itu melebihi dua kolah, masuk najis di dalamnya yang merubahkan samada warna, bau atau rasa, maka air itu dikira sebagai air mutanajjis. Tetapi jika tidak merubah warna, bau dan rasanya, maka ia adalah air mutlak.

Air melebihi dua kolah juga tidak dikira bernajis jika jatuh ke dalamnya haiwan ataupun bangkai haiwan yang tidak berdarah seperti semut, cicak, lipas dengan syarat ia bukan dicampak dengan perbuatan dan tidak mengubah air itu.

Juga tidak dikira bernajis air yang masuk najis yang tidak nampak dilihat oleh mata yang sederhana sekalipun daripada najis mughalaz-zah.



UKURAN DUA KOLAH

- * Anggarannya ialah 230 liter atau 52 gelen.
- * Lebih kurang sebanyak 13 tin minyak tanah.
- * Bekas Empat Segi ialah 23 inci lebar dan 23 inci dalam
- * Bekas yang bulat lebarnya 23 inci dalam 46 inci. (1 hasta diameter dan dalamnya 2 hasta) 1 hasta = 23 inci

NAJIS DAN CARA MENYUCIKANNYA

Tiap-tiap benda yang cair atau lembut keluar dari dubur atau qubul hukumnya najis melainkan mani samada mani manusia atau binatang yang lain daripada anjing dan babi atau keturunannya.

Tidak termasuk najis jika yang keluar itu benda yang keras seperti biji-bijian, jika ditanam ia tumbuh. Begitu juga cacing tetapi semua itu dikira mutannajis. Tetapi batu karang yang terjadi dari air kencing adalah najis.

Adapun benda yang keluar dari lubang selain dari qubul dan dubur hukumnya suci melainkan muntah dan air liur basi yang keluar dari tembuni makanan warnanya kuning dan baunya busuk.

Najis dibahagikan kepada tiga bahagian:

Najis Mukhaffafah

* Air kencing kanak-kanak lelaki yang masih belum berumur 2 tahun yang tidak makan apa-apa kecuali susu sahaja.

Cara menyucikannya:

hanya dengan memercikkan air ke atas najis tersebut sehingga rata.

Najis Mughallazah

laitu anjing, babi dan keturunannya.

Jika seseorang terkena pada anggotanya atau pakaiannya darah binatang itu atau air liurnya, tahinya, susunya, kencingnya atau badannya yang basah maka,

Cara menyucikannya adalah seperti berikut:

- Buangkan ainnya
- Dibasuh 7 kali, satu daripadanya dengan air yang bercampur tanah.

Najis Mutawassitah



laitu selain najis Mukhaffafah dan najis Mughallazah seperti:

1. Darah
2. Nanah
3. Muntah
4. Tahi
5. Air kencing
6. Wadi (air yang keluar daripada kemaluan orang yang bekerja berat)
7. Mazi (air yang keluar daripada kemaluan lelaki atau wanita semasa naik syahwat)
8. Bangkai (kecuali ikan dan belalang dan mayat manusia)
9. Cecair yang memabukkan
10. Susu binatang yang tidak halal di makan

Cara menyucikannya:

1. Buang ainnya dengan segala sifatnya iaitu rasa, bau dan warnanya.
2. Cuci dengan air mutlak.
 - Setelah dicuci jika tidak hilang rasanya seperti masih kesat, tidak dimaafkan maka kena dibasuh hingga hilang rasa. Jika tidak hilang juga melainkan dipotong, baru ia dimaafkan.
 - Adapun bau dan warna, jika setelah dibasuh dan digosok 3 kali tidak hilang, hukumnya dimaafkan (dikira suci).
 - Najis yang sudah tiada 'ainnya (**najis hukmiyah**) seperti air kencing yang sudah kering pada lantai, cukuplah dengan menjirus air ke tempat yang kena najis tersebut.
 - Cara membasuh benda yang kena najis ialah dengan menjirus atau melalukan air. Mencilup benda bernajis ke dalam air yang sedikit tidak mensucikannya. Oleh itu membasuh pakaian bernajis menggunakan mesin basuh tanpa proses melalukan air tidak mensucikan pakaian tersebut.
 - Membasuh tangan secara mencilup (koboan) adalah menyalahi sunnah dan tidak menyucikannya.



BERSUGI



Bersugi itu ertinya membersihkan mulut dan gigi dengan menggunakan alat seperti berus gigi, kayu sugi, sapu tangan dan

sebagainya. Hukumnya sunat dalam semua keadaan lebih-lebih lagi (jadi ***sunat muakkad***) ketika :

- Hendak membaca Al Quran
- Hendak sembahyang
- Berubah bau mulut
- Baru bangun tidur
- Gigi kuning
- Sebelum tidur
- Hendak berwudhu'
- Hendak membaca Al Hadis
- Hendak berzikir
- Hendak masuk rumah setelah berjalan
- Hendak bersetubuh
- Perut lapar atau dahaga
- Hendak meninggal dunia
- Hendak musafir

Kecuali selepas masuk waktu Zohor bagi orang yang berpuasa kerana makruh hukumnya.

Tetapi Imam Nawawi berpendapat tidak makruh bersugi, walaupun seseorang itu berpuasa.

Sunat bersugi dengan tangan kanan mulakan sebelah kanan mulut, gosokkan perlahan-lahan pada langit-langit, gusi, gigi dan lidah.

ISTINJAK

Istinjak itu asal maknanya melepaskan diri daripada benda yang mengganggu. Maksudnya di sini ialah bercebuk.

Hukumnya wajib atas orang yang kencing dan berak atau keluar benda yang najis keadaannya basah seperti darah.

Alat bersuci:

1. Air

2. Batu dan seumpamanya daripada benda yang, beku, suci, kesat dan bukan benda yang dihormati.

Maka tidak diluluskan benda yang cair seperti air mawar dan cuka atau benda yang najis seperti batu yang kena najis atau tahi kering atau benda yang tidak boleh menanggalkan najis seperti tanah yang hancur atau benda yang licin seperti buluh dan plastik. Tidak lulus juga jika menggunakan benda yang dihormati seperti makanan manusia seperti roti kering atau makanan jin, tulang.

Cukuplah bercebuk itu dengan air sahaja atau 3 butir batu atau 3 penjurunya. Sekiranya tidak bersih ditambah beberapa kali sehingga bersih dan jadikan bilangannya ganjil.

Paling afdhal bercebuk adalah menggunakan alat yang kesat dahulu seperti tisu barulah dibasuh dengan air.

Tetapi jika ingin menggunakan satu sahaja, airlah lebih utama.

Bercebuk menggunakan batu atau tisu mempunyai beberapa syarat:

1. Najis yang keluar masih basah
2. Tidak meleleh daripada papan punggungnya ketika berdiri atau dari kawasan kepala zakarnya.
3. Tidak kena najis lain pada tempat yang najis itu atau cecair lain sekalipun suci.

ADAB BUANG AIR

1. Menutup kepala
2. Membaca doa
3. Masuk dengan kaki kiri
4. Pakai alas kaki seperti terompah
5. Berdehem untuk memastikan air kencing benar-benar selesai keluar.
6. Jangan memandang kemaluan dan najis.
7. Makruh kencing berdiri
8. Makruh bercakap-cakap
9. Haram membaca Al Quran atau menyebut nama Allah.
10. Berdoa di hati ketika bercebuk.
11. Keluar dengan kaki kanan.
12. Membaca doa keluar tandas.